

MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM
(BAHAGIAN KORPORAT DAN PERHUBUNGAN AWAM)

AKHBAR : BERITA HARIAN
TARIKH : 15 FEB 2016

Shah Alam on Wheel's perlu diperluas

15/2/2016
BH

» *Perkhidmatan bantu pengguna berurusan PBT pada cuti hujung minggu*

Oleh Icka S Hassan
bhnews@bh.com.my

► **Shah Alam**

Perkhidmatan 'Shah Alam on Wheels' yang diperkenalkan oleh Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) perlu diperluaskan ke kawasan lain yang terletak agak jauh dari pusat bandar.

Bagi penjawat awam, Rosnani Md Derus, 48, usaha MBSA itu

perlu diberi pujian kerana memberi peluang orang ramai yang tidak dapat berurusan di pejabat pihak berkuasa tempatan (PBT) pada waktu biasa ekoran pelbagai faktor untuk menyelesaikan perkara itu pada cuti hujung minggu.

"Perkhidmatan itu sememangnya banyak membantu orang ramai yang tidak mempunyai masa untuk menyelesaikan bil ataupun cukai taksiran.

"Namun, jika dilihat senarai kawasan yang mempunyai perkhidmatan itu, ia hanya tertumpu di kawasan pusat bandar termasuk pusat beli-belah dan pasar raya saja," katanya.

Rosnani berkata, beliau yang tinggal di Sungai Buloh mengambil masa kira-kira 40 minit ke Seksyen 18, Shah Alam untuk berurusan dengan MBSA Sabtu lalu.

"Saya memang bersyukur ke-

MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM
(BAHAGIAN KORPORAT DAN PERHUBUNGAN AWAM)

AKHBAR : BERITA HARIAN
TARIKH : 15 FEB 2016



Pejabat Bergerak on Wheel's MBSA untuk memudahkan orang ramai berurusan pada hujung minggu di pekarangan Pasaraya Giant Seksyen 18, Shah Alam, semalam.

(FOTO NAZIRAN JAMEL/BH)

rana dengan usaha MBSA yang menyediakan perkhidmatan pada hujung minggu dapat menyelesaikan masalah kekangan masa pada waktu bekerja.

Lunas cukai

"Namun, sekiranya perkhidmatan ini dapat diperluaskan dengan menambah lagi di kawasan luar bandar ia setidaknya dapat membantu golongan kurang berkemampuan dan ibu

tunggal yang tiada kenderaan untuk berurusan juga," katanya.

Seorang lagi pelanggan, Daud Ismail, 46, menyifatkan tindakan penawaran penurunan harga kompaun juga perlu diteruskan secara konsisten agar dapat membantu orang ramai melunaskan cukai dengan sempurna terutama dalam keadaan ekonomi yang sedang meruncing.

"Bagi saya usaha MBSA menurunkan harga kompaun atau



Azlan Dolah

memberi diskaun itu perlu diteruskan lagi dan tidak hanya dibuat untuk satu hari sahaja.

"Setidak-tidaknya ia dapat mendidik rasa tanggungjawab untuk membayar kompaun dalam diri orang ramai, dan MBSA dapat mengurangkan masalah orang ramai yang tidak membayar kompaun," katanya.

Mengulas mengenai perkhidmatan 'Shah Alam on Wheels' Daud berkata, ia sememangnya berkesan dan petugas juga tidak mengambil masa lama untuk melayan pelanggan yang kebanyakannya suri rumah dan warga tua.

Sementara itu, Pegawai Tadbir Korporat dan Perhubungan Awam MBSA, Azlan Dolah, berkata pihaknya melaksanakan lebih 40,000 transaksi setiap minggu melalui kaunter bergerak berkenaan membabitkan semua urusan termasuk berhubung cukai, aduan penduduk, lesen, kompaun dan sebagainya.